

TEKS UCAPAN  
Y.BHG. BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)  
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA MEDIA DI  
PUTRA PALACE  
PADA 24 JULAI 2009

Bismillah Hirrahma Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera.

Y.Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP.

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan Ketua  
Jabatan UniMAP.

Wakil-wakil media, serta hadirin yang saya kasihi sekalian,

**Selamat datang saya alukan**  
**Kepada anda tetamu budiman**  
**Sekali lagi kita ditemukan**  
**Semoga silaturahmi terus dijalinkan**

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah inayahnya, dapat kita sama-sama berhimpun dalam satu majlis makan malam yang tidak seberapa ini.

Terlebih dahulu saya bagi pihak seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan-rakan media yang dapat meluangkan masa ke Majlis Makan Malam ini walaupun sudah pastinya masing-masing penat dengan tuntutan tugas harian pada siang hari tadi.

Seperti yang semua sedia maklum sememangnya setiap tahun UniMAP akan menganjurkan Malam Mesra Media khas untuk meraikan dan menghargai jasa-jasa yang disumbangkan oleh pihak media kepada UniMAP. Dan itu tidak bermakna ianya dianjurkan sekadar setahun sekali kerana pihak UniMAP sentiasa mencari ruang untuk mengadakan majlis-majlis sebegini dengan tujuan dapat mengeratkan lagi hubungan sesama kita selain dapat bertanya khabar.

Selain itu, saya juga sentiasa mencari ruang untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh mendekatkan pengurusan UniMAP dengan warga media sebagai contoh pertandingan boling. Namun sehingga kini kesempatan itu masih belum menjelma, dan saya berjanji ia akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini.

Sesungguhnya majlis pada malam ini amat bermakna untuk kita semua, kerana ia turut diserikan dengan kehadiran Krew Penerbitan dan Teknikal dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang kebetulan ada di Perlis untuk merakamkan dokumentari berkaitan R&D di UniMAP.

Tidak dapat dinafikan, Media berperanan besar dalam memberi publisiti terhadap UniMAP sejak dari awal penubuhan dan dikenali sebagai kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) lagi hinggalah ke saat penjenamaan semula universiti pada 1 Febuari 2007 yang lalu.

Melalui proses penjenamaan semula, sudah pasti UniMAP memerlukan publisiti yang banyak sebagai pengenalan kepada imej barunya kepada masyarakat awam. Masyarakat hanya mengenali KUKUM selama hampir 4 tahun dan UniMAP satu nama baru dan perlu diketengahkan dengan bantuan media.

Alhamdulillah, dengan publisiti dan liputan meluas yang telah diberikan oleh pihak media selama tempoh tersebut, masyarakat awam kini telah mengenali UniMAP dan mengetahui peranannya dalam melahirkan jurutera yang berkemahiran tinggi.

UniMAP sangat berbesar hati mendapat kerjasama yang tidak berbelah bagi daripada pihak agensi media seperti **Utusan**

**Malaysia, Bernama, Berita Harian, RTM, TV3, TV9, Kosmo, Harian Metro, New Straits Times, Guang Ming Daily, Nanyang Siang Pau, Kwong Wah Yit Poh, Sinar Utara, Sinar Harian, Sin Chew Daily, dan Unit TV Pendidikan.**

Pihak Media sentiasa memberikan sokongan yang penuh terhadap semua aktiviti dan program yang dianjurkan oleh universiti termasuk yang sedang berlangsung kini mulai 24 Julai hingga 26 Julai 2009 iaitu program Bakti Siswa Perdana Siri III yang melibatkan penyertaan dari 2,200 pelajar, 1,300 keluarga angkat bagi 52 kampung di Negeri Perlis ini.

Terima kasih tidak terhingga diatas komitmen anda semua terhadap UniMAP.

Akhir kata, adalah diharapkan hubungan di antara UniMAP dengan pihak media akan bertambah kukuh dari masa ke masa. Semoga hubungan yang kukuh di antara UniMAP dan agensi media akan berkekalan.

Sekian.

**Tanam lenggun tumbuh kelapa,  
Terbit bunga pucuk mati,  
Budi tuan saya tak lupa,  
Sudah terpaku di dalam hati,**